



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

PEKELILING PENDAFTAR

BILANGAN 1 TAHUN 2014

PANDUAN PENGURUSAN KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan memaklumkan kepada semua kakitangan yang berkenaan di Kolej Universiti Insaniah berhubung kemudahan perubatan yang disediakan oleh Kolej Universiti Insaniah.

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kolej Universiti Insaniah Kali ke-15/2013 pada 08 November 2013, Perkara 4.5.
3. Panduan ini menjelaskan jenis kemudahan perubatan, kelayakan, kadar atau had perubatan, pemakaian, dan syarat-syarat bagi memastikan kemudahan klinik panel swasta, pergigian dan bersalin diuruskan dengan cekap serta dapat dinikmati oleh kakitangan Kolej Universiti Insaniah.

JENIS KEMUDAHAN PERUBATAN

4. Jenis kemudahan perubatan yang adalah seperti berikut :-
 - i) Rawatan Klinik Panel yang dilantik oleh KUIN
 - ii) Rawatan Pergigian
 - iii) Bersalin
 - iv) Rawatan Pesakit Luar Bagi Klinik-Klinik Lain Selain Klinik Panel

KADAR ATAU HAD KEMUDAHAN

5. Kadar atau had diperuntukkan oleh pihak Universiti bagi kemudahan perubatan adalah berjumlah **RM 2,400.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Empat Ratus Sahaja)** bagi tempoh setahun. Kadar tersebut merangkumi semua jenis kemudahan perubatan seperti yang telah ditetapkan pada Perkara 4.
6. Kadar yang ditetapkan adalah tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya sekiranya penggunaan kemudahan pada tahun tersebut tidak mencapai kadar atau had yang ditetapkan.
7. Jika berlaku **lebihan** penggunaan kadar atau had kemudahan perubatan RM 2,400.00 setahun, pihak Universiti akan membuat pemotongan gaji bagi lebihan penggunaan tersebut.
8. Terlakuk kepada perkara 4, berikut adalah pecahan bagi kadar atau had kemudahan seperti di bawah:-
 - i) Kadar atau had bagi rawatan klinik panel yang dilantik oleh pihak Universiti adalah berjumlah **RM 2,400.00 setahun**.
 - ii) Kadar rawatan pergigian adalah RM 100.00 setahun, iaitu **termasuk** dalam jumlah kadar RM 2,400.00 bagi setahun.
 - iii) Bagi kemudahan bersalin, subsidi 50% bagi caj penuh kos bersalin, iaitu **termasuk** dalam jumlah kadar RM 2,400.00 bagi setahun.
 - iv) Bagi rawatan pesakit luar di klinik-klinik lain selain klinik panel yang dilantik oleh pihak Universiti, kakitangan hendaklah membuat tuntutan bayaran disertakan resit asal dan had keseluruhannya berjumlah RM 2,400.00 setahun.

Bil	Kadar/had kemudahan	Klinik Panel	Rawatan Pergigian	Bersalin	Klinik-Klinik Lain
1	RM 2,400.00 setahun	Penggunaan tidak melebihi kadar/had ditetapkan	RM100.00(setahun) SAHAJA Termasuk dalam kadar/had kemudahan perubatan	Subsidi 50% Termasuk dalam kadar/had kemudahan perubatan	Tidak melebihi kadar/had kemudahan perubatan dengan tuntutan resit asal

KELAYAKAN

9. Mereka yang layak mendapat kemudahan perubatan ini ialah :-

- i) Semua staf Universiti yang dilantik dan sedang berkhidmat secara tetap (samada dalam tempoh percubaan atau telah disahkan), kontrak, sementara, pinjaman dan sambilan atau mana-mana staf yang syarat pelantikan ada diperuntukkan kelayakan untuk mendapat kemudahan perkhidmatan perubatan termasuk pasangan dan anak-anak staf adalah layak menerima kemudahan perubatan ini.
- ii) Staf Universiti yang telah tamat perkhidmatan samada tamat kontrak, diberhentikan atau telah berpencen adalah tidak tertakluk kepada kemudahan perubatan ini.
- iii) Pasangan adalah bermaksud suami atau isteri-isteri yang sah kepada staf Kolej Universiti Insaniah adalah layak menerima kemudahan perubatan ini.
- iv) Anak-anak bermaksud anak-anak pasangan, anak tiri atau anak angkat (yang sah dari segi undang-undang) yang ditanggung sepenuhnya oleh staf dengan syarat anak itu berumur di bawah 18 tahun, tidak bekerja dan belum berkahwin kecuali anak yang masih belajar sepenuh masa yang berumur tidak lebih 21 tahun dan belum berkahwin.
- v) Anak yang masih menuntut di peringkat Ijazah Pertama sahaja layak menerima kemudahan ini walaupun melampaui umur 21 tahun tetapi anak tersebut masih belum berkahwin. Bagi anak yang dhaif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, tiada had umur dikenakan.
- v) Kelayakan kemudahan perubatan adalah tertakluk seperti di Jadual 1.

Bil	Kakitangan	Klinik Panel	Rawatan Pergigian	Bersalin	Klinik-klinik lain
1	Tetap	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak	Diri sendiri SAHAJA	Diri Sendiri SAHAJA atau pasangan	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak
2	Kontrak	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak	Diri sendiri SAHAJA	Diri Sendiri SAHAJA atau pasangan	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak
3	Sementara	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak	Diri sendiri SAHAJA	Diri Sendiri SAHAJA atau pasangan	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak
4	Pinjaman	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak	Diri sendiri SAHAJA	Diri Sendiri SAHAJA atau pasangan	Diri sendiri, pasangan, dan anak-anak
5	Sambilan	Diri sendiri SAHAJA	Diri sendiri SAHAJA	-	-

JADUAL 1

PEMAKAIAN

10. Peruntukan dan arahan dalam pekeliling ini adalah terpakai bagi semua staf Kolej Universiti Insaniah yang layak melainkan jika ada dinyatakan selainnya dalam syarat-syarat pelantikan seseorang staf atau dalam syarat-syarat pemberian biasiswa atau cuti belajar atau cuti sabatikal atau penempatan di dalam negeri.

SYARAT-SYARAT

11. Kemudahan perubatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-
- a) Rawatan Yang Ditanggung
- i) Rawatan pesakit luar (outpatient)/ rawatan sakit biasa (general treatment)
 - ii) Rawatan penyakit biasa dengan suntikan
 - iii) Pembedahan kecil - (jahitan luka/cucian luka/bisul/bengkak bernanah/penghapusan racun)
 - iv) Rawatan antenatal dan post natal dan penyakit yang berkaitan dengan kehamilan termasuk keguguran dari sebab fisiologi atau social dan bergantung kepada had-had pesakit luar.
- a) Rawatan yang Tidak Dibenarkan
- i) Rawatan yang memerlukan pembedahan besar
 - ii) Perkhidmatan Berkhatan
 - iii) Jenis penyiasatan (x-ray & ECG)
 - iv) Ujian darah dan air kencing bagi sakit yang memerlukan rawatan berterusan seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi, dan lain-lain. Bagi rawatan tersebut hendaklah dirujuk kepada Hospital Kerajaan/ Klinik Kerajaan.
 - v) Suntikan Imunisasi
 - vi) Suntikan Rubella
 - vii) Semua kos perubatan untuk perundingan atau rawatan serta ubat untuk tujuan kosmetik atau vitamin tambahan (contoh : pil-pil untuk menguruskan dan menggemukkan badan, pil perancang keluarga dan sebagainya
 - viii) Mana-mana kos perubatan untuk perundingan dan rawatan serta ubatan yang pada pandangan anggapan Universiti tidak tergolong dalam kategori rawatan pesakit luar atau rawatan sakit biasa.

SURAT JAMINAN HOSPITAL

12. Jabatan Pendaftar adalah berhak mengeluarkan Surat Jaminan Hospital kepada kakitangan Universiti yang telah membuat permohonan Surat Jaminan Hospital.
13. Surat Jaminan Hospital hanya sah digunakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh dikeluarkan.

TARIKH DIKELUARKAN

14. Pekeliling ini dikeluarkan pada 23 Januari 2014.

TARIKH DIKELUARKAN

15. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 01 Januari 2014 dan membatakan apa-apa pekeliling atau arahan sebelum ini.



(ZAID BIN AHMAD AMK, BCK.)
Pendaftar

Edaran Kepada:

Semua Ketua Jabatan dan Pusat
Semua Ketua Bahagian dan Unit
Semua Klinik Panel